

Tangani risiko jangkitan virus dalam kampus

Saringan dilakukan pihak pengurusan universiti, elak virus menular di kampus

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mencegah lebih baik dari mengubati. Sebagai langkah pencegahan awal dalam menangani penularan jangkitan 2019 Novel Coronavirus (2019-nCoV) yang sedang melanda China, pelbagai langkah proaktif diambil oleh pihak universiti bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan virus berkenaan ke dalam kampus.

Bagi universiti yang menerima pelajar antarabangsa, saringan akan dilakukan di pintu masuk negara seperti lapangan terbang manakala beberapa universiti awam pula menghentikan sementara program pengantarabangsaan atau lawatan ke luar negara terutama ke China.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam kenyataan media yang dikeluarkan baru-baru ini berkata, universiti berkenaan sentiasa prihatin terhadap sebarang risiko ancaman penyebaran wabak 2019-nCoV dalam kalangan warga universiti.

Katanya, Jawatankuasa Pengurusan Universiti (UMC) sudah membuat beberapa keputusan sebagai langkah proaktif pencegahan dan pengawalan maksimum memandangkan UIAM mempunyai pelajar antarabangsa

termasuk dari China yang jumlahnya agak tinggi.

"Semua kampus UIAM yang terletak di Gombak, Kuantan, Gambang, Pagoh dan Kuala Lumpur diarahkan untuk mematuhi segala arahan yang sudah dan akan ditetapkan dari masa ke semasa.

"Bagi mencegah sebarang penularan jangkitan, Pusat Kesihatan & Kesejahteraan UIAM melaksanakan saringan kesihatan terhadap pelajar baharu dari China yang mendaftar pada kemasukan 30 Januari lalu dan ia termasuk pelajar semasa yang mungkin baharu pulang dari negara masing-masing serta memeriksa rekod perjalanan mereka sebagai langkah pencegahan awal," katanya.

Selain itu, pihak UIAM turut menyediakan dua unit kediaman sebagai langkah pencegahan untuk pelajar lelaki dan wanita bagi pengawasan dalam rumah (*home surveillance*) kepada pelajar yang akan tiba dari China dan mereka yang pernah ke negara berkenaan dalam tempoh terdekat.

Katanya, *home surveillance* selama 14 hari itu akan dibuat dengan pengawasan dan pemantauan Pusat Kesihatan dan Kesejahteraan UIAM yang akan menempatkan petugas kesihatan di kawasan berkenaan.

"Pelajar berkenaan akan melalui saringan kesihatan yang disediakan di lapangan terbang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mereka juga akan disaring untuk kali kedua oleh Pusat Kesihatan dan Kesejahteraan UIAM sebaik sahaja tiba di kampus.

"UIAM akan terus memantau perkembangan jangkitan ini melalui maklumat yang diperoleh daripada KKM dan warga kampus akan sentiasa dimaklumkan jika terdapat sebarang perkembangan terkini melalui saluran rasmi uni-



Dr Mohd Rusdan Mohd Jailani

versi," katanya.

Langkah proaktif turut dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) membabitkan pelajar antarabangsa yang mendaftar di universiti itu bagi mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang dan tahap pengajian bermula Semester 2 sesi akademik 2019-2020 yang perlu menjalani saringan kesihatan sebaik tiba di UKM.

UKM dalam kenyataan akhbar berkata, pelajar yang tiba di Malaysia akan disaring oleh pasukan perubatan KKM di Pusat Kuarantin Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum disahkan selamat untuk ke kampus.

Katanya, setelahnya di kampus UKM, semua pelajar yang terabit akan terus melaporkan diri kepada pasukan perubatan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) di kaunter saringan khas di Kolej Ibu Zain (KIZ) di mana Pihak PKU akan menyediakan *Red Alert Card*, *Health Declaration Form* dan *Home Assessment Tool* kepada semua pelajar yang berkenaan.

"Memandangkan individu yang dijangkiti biasanya akan mengalami simptom seawal dua hari selepas dijangkiti sehingga 14

hari berikutnya, pihak PKU akan menguruskan proses penyaringan, penilaian serta pemantauan kepada pelajar berkenaan bermula pada hari melapor diri sehingga 14 hari berikutnya mengikut prosedur yang digariskan oleh KKM dan pelajar yang disyaki akan dirujuk terus ke hospital di bawah seliaan KKM," katanya.

"Kakitangan atau pelajar tempatan yang mempunyai sejarah lawatan ke China atau negara terabit dalam jangka masa kurang daripada 14 hari lalu juga diminta untuk melapor diri ke kaunter PKU di KIZ supaya proses sama dapat dilaksanakan dan dalam masa sama, UKM juga menanggukkan sebarang aktiviti kakitangan dan pelajar ke China bagi mengelakkan penyebaran jangkitan 2019-nCoV," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Mohd Rusdan Mohd Jailani, berkata USIM melarang dan membatalkan program pengantarabangsaan pelajar USIM ke China berkuatkuasa serta merta sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan semula.

Katanya, keputusan itu dibuat oleh pengurusan universiti yang turut membabitkan program pengantarabangsaan ke Hong Kong demi membanteras penularan penyakit dan mengurangkan risiko kepada pelajar kerana universiti sentiasa memandangkan serius dan memberi keutamaan terhadap sebarang isu keselamatan dan kebajikan mahasiswa USIM pada setiap masa.

"Program pengantarabangsaan utama pelajar yang akan terkesan secara langsung dengan langkah pembatalan ini adalah Program *Global Islamic Student Outreach* (GISO). Berdasarkan rekod oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) USIM, sebanyak 14 program GISO sudah diluluskan universiti untuk dilaksanakan bermula Januari hingga Ogos depan dengan lima daripadanya pada bulan ini.

"Kumpulan pelajar yang terabit sudah dimaklumkan mengenai arahan pembatalan ini oleh BHEP dan penyelarasan sedang dibuat oleh kumpulan GISO yang terkesan. Universiti menyedari pembatalan ini akan menimbulkan kesulitan dan perkara yang berbangkit kepada kumpulan GISO yang terabit, justeru, pengurusan universiti juga meminta BHEP untuk menyediakan satu garis panduan khusus berkaitan pembatalan ini untuk dijadikan rujukan," katanya.



Bagi universiti yang menerima pelajar antarabangsa, saringan akan dilakukan di pintu masuk negara seperti lapangan terbang. (Foto biasan)

SIDANG REDAKSI

Pengarang Kumpulan BH
Saidin Miris

Pengarang Kumpulan Berita dan Digital
M Thilinaadan

Pengarang Kumpulan Pengkaji
Azhaf A. Samah

Artis Kumpulan, Koresponden
Muzimedia NSTP

Dotak Ahmad Zaini Ramasuzaman

Pengarang Kumpulan BH
Vertikal Pendidikan

Ridwan Yop

Pengarang Kumpulan Berita Pendidikan
Mohd Zin Mohd Ali

Basir Zahron

Katwan

Nor Azma Laila

Mohd Khairul Anam Md Khairudin

Artis Kumpulan

Shuhaimi Selamat

Mohd Zainudin Ismail

Redaksi

Khairul Anwar Md Nor (Yan)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan

Tel: 1300228787

Berita Harian / Vertikal Pendidikan

Tel: 1300228787 samb 3088

Faks: 03-0156 7081

LANGKAHAN

Silatan Pengedaran dan Jualan

Akbar NSTP 21, Jalan Riong,

53300 Kuala Lumpur

E-mel: education@NSD@

msd@prima.com.my

Samb: 7755

Tel: 03-2714 8998

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my atau
Rafiq Basha,
11, Jalan Riong, 53300,
Kuala Lumpur

www.bhvarsiti@bh.com.my

fb/bhvarsiti

fb/bhvarsiti